

# Berita **PETALING JAYA**



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) [Majlis Bandaraya Petaling Jaya](#) [pjcitycouncil](#) [pjcitycouncil](#)



*Selamat Ulang Tahun*  
**KE-10 BANDAR RAYA PETALING JAYA**  
**2006 - 2016**



**03** MBPJ KOMITED ATASI MASALAH KESESAKAN LALU LINTAS



**07** KEMPEN PJ TAK NAK POLISTERIN



**11** PERTUKARAN LALUAN PJ CITY BUS (PJ04)

# RUMAH TERBUKA

## *Aidilfitri*

### MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

1 Ogos 2016 (Isnin) bersamaan 27 Syawal 1437H

3.00 Petang - 5.00 Petang

Perkarangan Tempat Letak Kereta, Dewan Sivik MBPJ,  
Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya



[www.mbj.gov.my](http://www.mbj.gov.my)



pjcitycouncil

Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



pjcitycouncil



pjcitycouncil



*Warga  
Petaling  
Jaya  
Dijemput  
Hadir*

#### Sidang REDAKSI

PENGURUSAN : Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain

PENGURUSAN : Tuan Zahary bin Anuar

KETUA PENGARANG : Hanzabill Abdul Hanif

WARTAWAN : Mohamed Azmi bin Yusoff

JURU GAMBAR : Rizali bin Mohamed Halik  
Iutan Khairul Mati Md. Zai  
Salmyn bin Abu Bakar  
Muhammad Ridzhatul Ismail

PRESENCA GRAFIK : Sharazat Baharin bin Abdul Matalib  
Badru Hisham bin A Bakar  
Ihsanur Ash'ari binti Arifin

MARMIL BALAS DAN  
CADANGAN  
HANTARKAN KEPADA : Unit Komunikasi Korporat  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Tel: 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206  
Fax: 03-7958 2655 E-mail: [mcu@mbpj.gov.my](mailto:mcu@mbpj.gov.my)

#### PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Tn. Mohd Azizi Mohd Zain  
Datuk Bandar  
Tel: 03-7956 3544 samb. 325

Johary Anuar  
Timbalan Datuk Bandar  
Tel: 03-7956 3544 samb. 323

Hj. Ahmad Mchayen Hj. Said  
Timbalan Setiausaha / Pengarah,  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Tel: 03-7956 0819

Hjh. Sa'diyah Khesiman  
Pengarah,  
Jabatan Perbendaharan  
Tel: 03-7958 1235

Hjh. Sharipah Marhahni Syed Ali  
Pengarah,  
Jabatan Perancang Pembangunan  
Tel: 03-7956 2562

Iz. Ismail Shafee  
Pengarah,  
Jabatan Kejuruteraan  
Tel: 03-7958 7663

Dt. Chittadavil A/p N. Vadivelu  
Pengarah,  
Jabatan Perkhidmatan Kesehatan  
Dan Persekitaran  
Tel: 03-7958 8081

Datin Sri Amveeta Kaur A/p Prethem Singh  
Pengarah,  
Jabatan Perlitihan Dan Pengurusan Huta

Tel: 03-7956 2428

Aznan Hassan  
Pengarah,  
Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan  
Tel: 03-7960 3293

Hamidah Hj. Arifin  
Pengarah,  
Jabatan Kawalan Bangunan  
Tel: 03-7956 3544 samb. 262

Zunaidah Salim  
Pengarah,  
Jabatan Landskap  
Tel: 03-7804 8905

Mohd Razul Maarop  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan  
Pembersihan Awam  
Tel: 03-7957 8081

Lee Lih Shyan

Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan  
Pembersihan Awam

Tel: 03-7954 1440

Hjh. Sharinez Hj. Shamsuzlin  
Pengarah,  
Jabatan Pelancongan  
Tel: 03-7960 4513

Haniza Abdul Hamid  
Pengarah,  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel: 03-7958 1764

Samsul Bahari Nonchi  
Pengarah,  
Unit Teknologi Maklumat  
Tel: 03-7956 2563

Norlida Mohd Isa  
Pengarah,  
Unit Audit Dalam Dan Integriti  
Tel: 03-7957 1319

Norziha Mokhtar

Pengarah,  
Unit Perundungan

Tel: 03-7957 8042

Haihuliza Abdul Rahman  
Pengarah,  
Unit Pusat Setempat (Osc)  
Tel: 03-7954 1725

Nor Shabani Johari  
Pengarah,  
Unit Perseuruhjaya Bangunan  
(OOB)  
Tel: 03-7960 2055

## MBPJ KOMITED ATASI MASALAH KESESAKAN LALU LINTAS



**JALAN YONG SHOOK LIN, 18 MEI** – Majlis berpendapat, salah satu faktor kesesakan lalu lintas yang berlaku di sekitar Seksyen 52 adalah disebabkan pemandu keliru dengan arah masing-masing disebabkan perubahan aliran lalu lintas dan kerja-kerja penyelenggaran yang dilakukan.

Menurut Penolong Pengarah Kanan Komunikasi Korporat

Zainun Zakaria, keadaan itu adalah bersifat sementara memandangkan ianya masih lagi dalam fasa-fasa penyelenggaraan dan adakalanya jalan terpaksa ditutup bagi membolehkan kerja pembinaan dijalankan.

Selain itu juga, terdapat projek-projek pihak ketiga seperti pembinaan paip pembetungan serta kerja penyelenggaraan oleh

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan syarikat telekomunikasi yang turut melakukan di kawasan berhampiran.

Hal ini sudah pasti sedikit sebanyak memburukkan lagi laluan lalulintas. Bagi mengatasi masalah ini, Majlis telah mengarahkan kontraktor yang dilantik menyiapkan penyelenggaraan mereka dalam

tempoh yang diberikan

Menurutnya, kemajuan projek tersebut kini sudah melebihi 66 peratus dan bagi mengatasi kekeliruan tunjuk arah jalan, pihak kontraktor telah memasang 70 papan tanda sementara.

Majlis sentiasa memantau proses kerja-kerja penyelenggaraan dan menasihati orang ramai agar patuh terhadap papan tanda sementara yang dipasang bagi melancarkan lalulintas dan memudahkan petugas-petugas menyelenggaran jalan dengan cepat.



## PROJEK MENURAP JALAN DI PETALING JAYA

**JALAN YONG SHOOK LIN, 29 JUN** - Dalam melestarikan Bandar Raya Petaling Jaya, Majlis telah memperuntukkan hampir RM 30 juta bagi Projek Penurapan Semula Jalan di sekitar Petaling Jaya pada tahun ini. Sejumlah besar peruntukan ini adalah membabitkan 31 bilangan projek sepanjang tahun.

Pada masa yang sama, status pelaksanaan projek-projek ini juga telah mencapai status 17 projek telah siap, 13 sedang dalam pelaksanaan dan satu dalam proses penawaran semula.

Pelaksanaan lokasi projek ini dijalankan di sebahagian Jalan Universiti, Jalan Gasing, Persiaran Cemara & Persiaran Industri Sri Damansara, Persiaran Mahogani dan Kota Damansara. Selain itu, ia juga melibatkan sekitar kawasan SS 1, SS 3, SS 21, SS 26, Sek. 20, Sek 21, PJU 1, PJS 1, PJS 2 dan PJS 6 yang

merangkumi skop kerja menurap semula jalan secara mill & pave dan juga menurap laluan masuk premis.

Majlis akan mengeluarkan Notis Pemberitahuan kerja-kerja akan dilaksanakan dalam tempoh 2-3 hari sebelum pelaksanaan kerja dijalankan.

Bagi memastikan segala spesifikasi kerja dipatuhi kontraktor, Majlis akan mengadakan semakan dan ujian terhadap projek yang dijalankan. Antara lain adalah seperti mengadakan Ujian Ketebalan (Coring Test) bagi menyemak ketebalan lapisan premix yang dibuat. Penurapan semula jalan perlu dibuat sekiranya ketebalan tidak mencukupi.

Majlis juga bercadang untuk membangunkan Sistem Pengurusan Turapan setelah



Kakitangan Jabatan Kejuruteraan MBPJ sedang mengadakan ujian ketebalan (Coring Test) di sekitar Jalan Bukit Mayang Mas

mengetahui kepentingan untuk mendapatkan data turapan yang lengkap bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan jalan.

Antara data yang diperlukan sistem ini adalah lokasi turapan jalan, panjang jalan, keadaan turapan dari segi kekuatan dan jangka hayat turapan.

# BANDAR RAYA HIJAU BERKARBON RENDAH



Pada 22 April yang lalu merupakan Hari Bumi. Sambutan yang diraikan pada saban tahun ini merupakan edisi yang ke 46 selepas kali pertama disambut pada tahun 1970.

Dalam konteks bandar raya Petaling Jaya, usaha untuk mewujudkan bandar raya mampan dan berdayahuni telah banyak dilaksanakan diperingkat Majlis bagi menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya hijau dan berkarbon rendah.

Majlis sentiasa memastikan pembangunan fizikal yang diluluskan oleh Jawatankuasa OSC melindungi bumi dan alam sekitar

antara lain dalam penyediaan minimum 10% daripada keluasan kawasan pembangunan untuk kawasan rekreasi dan landskap. Selain daripada fungsinya untuk kemudahan awam, ia juga bertujuan untuk membekalkan oksigen dan menyerap karbon.

Pelan-pelan pembangunan juga diluluskan dengan menekankan kepada penyediaan kemudahan-kemudahan bagi menggalakkan aktiviti non-motorized untuk mengurangkan pelepasan karbon seperti mengadakan laluan pejalan kaki dan basikal yang menghubungkan kawasan kediaman, pembiagaan dan tempat kerja ke stesen rel atau perhentian bas terhampir.



## PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (M.E.S)

### TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR

Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)  
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City i-City,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5521 8740 / 03-5521 8741  
Faks : 03-5521 8742 / 03-5521 8743

### SKIM MESRA USIA EMAS

Rantaian Mesra Sdn. Bhd.  
Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5510 3468 / 03-5510 3472, Faks : 03-5510 3455  
E-mail : mesrausiaemas@gmail.com

### HADIAH ANAK MASUK IPT

Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Tingkat 3, Bangunan S.S.A.S.  
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5544 7385 / 03-5521 2275  
Faks : 03-5510 4095 / 03-5510 0659

### PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GAIUAN

Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.  
Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan, No. 3 Jalan Indah, Seksyen 14  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5510 7735, Faks : 03-5510 7736  
E-mail : info@semesta.com.my  
Laman web : www.semesta.com.my

### TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG

Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor  
Tingkat 5, Bangunan S.S.A.S.  
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5544 7306 / 03-5512 3618, Faks : 03-5510 6678

### PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)

Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi  
Tel : 03-5519 4346 / 03-5544 7622, Faks : 03-5519 3304

### BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU

Kumpulan Darul Ehsan Bhd.  
Tingkat 16-17, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5510 3999, Faks : 03-5510 9977  
E-mail : communications@kdeb.com

### SKIM KESIHATAN WANITA

Rantaian Mesra Sdn. Bhd.  
Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5510 3468 / 03-5510 3472, Faks : 03-5510 3455  
Laman web : www.e-mesra.org.my

### PROGRAM MIKRO KREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)

Mimbar Selangor  
A23, Pusat Perniagaan Jubli 20, Jalan Singa J20M, Seksyen 20  
40300 Shah Alam, Selangor  
Tel : 03-5541 3616, Faks : 03-5541 3677  
Laman web : www.mimbarselangor.org

### SKIM MIKRO KREDIT SELANGOR

Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor  
Tingkat 2, Bangunan S.S.A.S.  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5544 7104 / 03-5519 1692 / 03-5521 2312  
Faks : 03-5510 5829  
Laman web : www.skimsel.com

### PUSAT DIALISIS RAKYAT

Rantaian Mesra Sdn. Bhd.  
Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5510 3468 / 03-5510 3472  
Faks : 03-5510 3455  
Laman web : www.e-mesra.org.my

### PUSAT TUISYEN RAKYAT

Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Tingkat 3, Bangunan S.S.A.S.  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5544 7480 / 03-5544 7481 / 03-5544 7391  
Blog : tuisyenrakyat.blogspot.com

## BAZAR BEBAS SAMPAH



JALAN YONG SHOOK LIN, 2 JUN – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengingatkan para peniaga di kawasan seliaan Majlis agar mematuhi peraturan dengan tidak lagi menggunakan polisterin sebagai pembungkus makanan kepada pelanggan dan menggantikannya dengan bekas makanan bahan organik dalam usaha menjaga keindahan alam sekitar dan meningkatkan kualiti alam sekitar.

Menurut Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd

Zain, tiada lagi sebarang alasan mahupun helahan buat para peniaga memandangkan kempen tersebut telah dilaksanakan sejak 2013 lagi.

Tambahnya lagi, peniaga yang ingkar dan berdegil akan dikenakan kompaun RM 250 walaupun kesalahan yang dilakukan itu merupakan kesalahan kali pertama. Pada tahun 2014 juga, Majlis telah memberikan mangkuk tingkat percuma kepada pengunjung bagi memberi kesedaran kepada

pengguna mengenai bahaya penggunaan polisterin.

Selain itu juga, peniaga diingatkan agar menitik beratkan aspek kebersihan dalam menyediakan makanan agar tidak berlaku perkara-perkara seperti keracunan makanan yang boleh mengakibatkan tindakan tutup gerai dikenakan ke atas mereka.

Majlis juga memprogramkan bazar Ramadan pada tahun ini sebagai bazar bebas sampah dan telah mengadakan dialog integriti bersama peniaga pada April yang lalu.

Beberapa penekanan telah

diberikan kepada para peniaga sepanjang dialog integriti itu seperti aspek amalan hijau, pengitaran semula minyak masak, pengasingan sisa makanan dan tidak meninggalkan struktur di lokasi tempat menjalankan perniagaan. Dialog integriti dijalankan memandangkan ada peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan pada bulan puasa sahaja bagi menambahkan pendapatan.

Terdahulu, Datuk Bandar merasmikan Kursus Pengendalian Makanan dan Cabutan Undian Tapak Bazar Ramadan Petaling Jaya.



## TAHAP KESEDARAN MASYARAKAT MENGURUSKAN SISA PEPEJAL MASIH RENDAH

JALAN YONG SHOOK LIN, 30 JUN - Walaupun Kerajaan Pusat telah menguatkuasakan pengasingan sisa pepejal sejak 1 September tahun lalu, namun tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menguruskan sisa pepejal masih rendah dengan 17.39 peratus sahaja yang mengamalkannya.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) sebanyak 85,239 surat peringatan telah dikeluarkan daripada 367,651 premis yang diperiksa di seluruh negara. Trend angka ini tidak mustahil akan meningkat sekiranya tiada tindakan serius yang diambil oleh pihak berwajib.

Mungkin ramai tidak sedar, jumlah penjanaan sisa di negara kita berterusan meningkat. Ianya dibuktikan dengan peningkat

sejumlah 33,000 tan sehari pada tahun 2013 berbanding 19,000 tan pada tahun 2015. Secara purata, janaan sisa pepejal bertambah secara mendadak sebanyak 6.7 peratus. Keadaan ini dibimbangi akan terus meningkat jika tiada kesedaran di kalangan masyarakat.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyasarkan Malaysia seharusnya mencapai sasaran 22 peratus kadar kitar semula

menjelang 2020 sekiranya tahap kesedaran masyarakat meningkat. Ini sejajar dengan hasrat kerajaan yang mahukan amalan kitar semula, hasrat menjadikan negara maju, bersih, indah dan sejahtera dicapai.

Pelaksanaan penguasaan sisa pepejal tidak tertakluk kepada penguasaan sahaja, bahkan memerlukan kerjasama dan komitmen dari semua lapisan masyarakat.

Selaku PBT bandar raya peneraju, Majlis komited dalam memberi kesedaran kepada masyarakat. Melalui pelaksanaan amalan kitar semula, ianya dilihat secara langsung dapat mengekalkan persekitaran yang hijau di Petaling Jaya. Selain budaya amalan kitar semula diterapkan, Majlis juga giat secara aktif melakukan pelbagai program untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Petaling Jaya.



## JOM HIJRAH: ROAD TO RAMADAN

JALAN YONG SHOOK LIN, 3 JUN

– Bulan Ramadan bulan rahmat buat semua. Kedatangan bulan Ramadan pada tahun ini disambut penuh ilmiah dan bermakna buat warga kerja Majlis apabila program tazkirah yang diadakan setiap bulan itu dihadiri oleh bekas peserta Pencetus Ummah, Ustaz Shahul Abdul Hamid dan diserikan lagi dengan tetamu jemputan beliau, Ijam Medicine dan Ali Terra Rosa/XPDC.

Majlis yang bermula sekitar jam 9.45 pagi itu dihadiri hampir 1000 warga kerja Majlis. Ceramah yang berkisarkan keagungan bulan

Ramadan itu juga diselang selikan dengan pengalaman tetamu jemputan yang masing-masing berkongsi cerita pengalaman berpuasa ketika zaman kemuncak karier sebagai penyanyi.

Selain menitipkan pelbagai nasihat, bulan Ramadan juga mengajar agar kita lebih sabar, kuat dan bertenaga dalam melakukan pelbagai perkara dengan mengambil ibrah sewaktu Nabi Muhammad SAW berperang dalam bulan Ramadan. Hal ini terjadi adalah disebabkan ruh Ramadan yang sentiasa dibawa bersama.



Ali XPDC / Tera Rosa dan Ijam Medicine sepantas bersama-sama PU Shahru

## MAJLIS GIAT BASMI MISKIN BANDAR



JALAN YONG SHOOK LIN, 3 JUN – MBPJ komited dalam misi untuk mengeluarkan kira-kira 900 keluarga dan individu yang masih berada pada radar kemiskinan atau golongan miskin bandar di kawasan Petaling Jaya.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain berkata pelbagai usaha, program dan langkah telah dilakukan oleh Majlis bagi membantu golongan ini keluar daripada kelompok miskin bandar.

Menurutnya lagi, kebanyakan keluarga yang dikesan tinggal di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kota Damansara, PPR Lembah Subang, Taman Medan, Taman Datuk Harun, Desa Mentari dan Petaling Jaya Selatan.

Program yang diadakan ini turut mendapat kerjasama dari badan-badan korporat yang turut membantu golongan kurang bernasib baik ini dalam memperbaiki taraf hidup mereka. Melalui program ‘Food Bank’ juga, Majlis mendapat kerjasama daripada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd. (Bank Rakyat) yang

akan bergerak secara meluas selepas Hari Raya Aidilfitri nanti.

Terdahulu, beliau menyampaikan sumbangan sempena menyambut Ramadan dalam Program Tautan Kasih Warga Emas Petaling Jaya. Lebih 2000 kakitangan Majlis diraikan dengan agihan pemberian buah kurma dan seramai 80 warga emas yang berdaftar di bawah PKKB menerima sumbangan wang tunai dan baucar barang yang masing-masing berjumlah RM 100 setiap satu.



Datuk Bandar menyampaikan sumbangan sewaktu Program Pembasmian Kemiskinan Bandar

Tambahnya, antara program

utama Majlis dalam usaha membantu golongan ini adalah melalui Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang wujud sejak 2011 lagi.

Ia juga merangka keputusan positif apabila dapat dilihat angka kian mengecil setelah nasib keluarga yang berdaftar dengan PPKB ini berjaya keluar dari kepompong kemiskinan. Perangkaan ini adalah berdasarkan isu kemiskinan di bandar raya Petaling Jaya merupakan isu yang terpencil.

## KEMPEN PJ TAK NAK POLISTERIN

JALAN YONG SHOOK LIN, 26 MEI – Dalam melestarikan kehijaun bandar raya Petaling Jaya sebagai bandar pintar, Majlis mengambil berat mengenai pembuangan sampah yang menjelaskan ekosistem dan landskap alam sekitar yang mengakibatkan sukar diurai dan mengambil masa ratusan tahun lamanya untuk dihapuskan.

Melalui ini, satu program "Kempen PJ Tak Nak Polisterin" telah di adakan baru-baru ini kepada semua persatuan dan wakil penjaja, peniaga di seluruh kawasan Petaling Jaya.

Sesi taklimat yang disampaikan oleh Mohamad Khirruddin bin Ramly, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran ini merupakan langkah memelihara alam sekitar dan memberi kesedaran kepada penduduk Petaling Jaya mengenai kelestarian alam. Ianya juga selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri melaksanakan Kempen Kesedaran Kitar semula Kertas serta Penggunaan Beg Plastik dan



Polisterin di Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor sebagai Bandar Hijau serta meningkatkan kualiti alam sekitar.

Untuk pengetahuan umum, polisterin mengandungi bahan-bahan seperti stirena dan benzene yang boleh menjelaskan kesihatan alam sekitar. Bahan-bahan ini sangat berbahaya kepada alam sekitar kerana mengambil masa kira-kira 500 tahun untuk dimusnahkan secara

semulajadi. Malah, menurut hasil kajian yang dilakukan oleh Institut for Energy and Environmental Research (IEER) pada tahun 1992 telah mendapati bahawa polisterin yang diperbuat daripada hydrochlorofluorocarbon (HCFC-22) berpotensi mengancam alam sekitar sebanyak tiga hingga lima kali lebih tinggi berbanding bahan-bahan buangan yang lain.

Selain berbahaya kepada alam sekitar, stirena juga

mengandungi bahan karsinogen yang boleh mendarangkan kesan mudarat kepada kesihatan manusia. Menurut kajian Agensi Penyelidikan Kanser Antarabangsa (IARC), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengelaskan stirena sebagai bahan karsinogen kumpulan 2B yang merupakan agen penyebab kanser kepada manusia. Bahan-bahan kimia daripada bekas polisterin akan menyerap ke dalam makanan dan kemudian ke dalam tubuh manusia.

Majlis akan memastikan semua peniaga dapat menggantikan penggunaan polisterin kepada produk yang lebih mesra alam seperti yang disyorkan iaitu bahan biodegradable yang mudah dikitar semula. Di samping itu juga, Majlis turut mengedarkan risalah kepada golongan peniaga, kantin sekolah dan pejabat kerajaan sebagai usaha mempromosikan Kempen PJ Tak Nak Polisterin ini. Papan Kenyataan peringatan juga dipasang di seluruh gerai-gerai milik Majlis sebagai peringatan kepada semua peniaga.

## DAPAT HADIAH BAWA BEKAL SENDIRI



KELANA JAYA, 13 JUN – Pengunjung bazar berpeluang menerima hadiah 'Foldable Bicycle' sempena sambutan Ulang Tahun ke 10 Bandar Raya Petaling Jaya.

Hadiah yang ditawarkan itu merupakan sebahagian daripada promosi kempen bawa bekal makanan sendiri semasa membeli juadah berbuka di bazar Ramadan.

masyarakat dalam mengurangkan penggunaan polisterin.

Pengunjung yang membawa bekal makanan sendiri akan diberi satu cop sehari dan lima cop terkumpul akan mendapat cabutan bertuah pada hari sambutan Ulang Tahun ke 10 Bandar Raya Petaling Jaya.

Promosi yang diadakan ini adalah sebagai alternatif baru bagi menggantikan penggunaan polisterin kepada 'Biodegradeble'.



Promosi membawa bekal sendiri itu juga dilihat mendidik

Timbalan Datuk Bandar dan Pengarah Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bersama pengunjung bertuah sewaktu kempen yang diadakan baru-baru ini.



## PETALING JAYA BANDAR RAYA PENERAJU, DINAMIK DAN LESTARI

Tuan Mohd Azizi bergambar kenang-kenangan bersama mantan Datuk Bandar MBPJ Dato' Termizi Puteh dan Datin Paduka Alinah Ahmad



Tahun ini genap tahun ke 10 pengisytiharan bandar raya Petaling Jaya. Tarikh 20.06.2006 menjadi detik bersejarah buat seluruh warga Petaling Jaya di atas penarafan status perbandaran ke bandar raya Petaling Jaya.

Daripada sebuah pekan kecil pada awal tahun 1950an yang mempunyai impian yang besar, Petaling Jaya terus memacu pembangunan pesat seiring dengan peredaran keadaan, masa dan zaman.

Menyelusuri perkembangan Petaling Jaya, pelbagai kecemerlangan dan kegemilangan yang telah dikecapi. Kejayaan dan anugerah seperti Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan Mampan, Anugerah Prestasi

Pertama Kategori A PBT, Tempat Pertama Tertinggi Anugerah Bandar Mampan 2014, Kategori Bandaraya, Tempat Pertama Anugerah Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pemenang Silver Green Apple Awards for The Built Environment and Architectural Heritage, National Self-Build & Renovation Centre, di Swindon, London dan pelbagai lagi anugerah dan kejayaan diraih menjadi bukti dan tanda aras bahawa kita, selaku pentadbir bandar raya Petaling Jaya yang sentiasa dahagakan kecemerlangan, kegemilangan dan terus menerus dalam memastikan tadbir urus yang cekap dan efisyen.

MBPJ juga sememangnya komited dalam memberi yang terbaik kepada penduduk Petaling Jaya, ia tidak terhad kepada satu golongan sahaja malah Majlis mengharapkan penglibatan keseluruhan masyarakat berbilang bangsa dari golongan muda, veteran, dan Orang Kelainan Upaya (OKU) agar dapat merasai keunikan, pengalaman dan kemudahan yang ada pada program dan aktiviti yang

dianjurkan.

Menariknya pada tahun ini, MBPJ akan mengadakan pelbagai program bersempena sambutan bandaraya yang akan bermula pada Jun 2016 hingga Disember 2016. Program dan aktiviti yang bakal diadakan ini adalah bagi memberi penghargaan kepada penduduk Petaling Jaya terutama kepada rakan-rakan perkhidmatan MBPJ yang terdiri daripada Jabatan atau Agensi kerajaan, Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga yang telah sama-sama membangunkan Bandaraya Petaling Jaya serta menyumbangkan pandangan dan idea bagi menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya secara amnya.

Sebagai menghargai dan terima kasih Majlis kepada warga Petaling Jaya, MBPJ sekali lagi memberikan perkhidmatan percuma kepada penduduk Petaling Jaya pada tarikh 20 Jun 2016. Perkhidmatan percuma yang ditawarkan ialah Kemudahan gelanggang sukan, kolam renang dan padang, Pemberian 1000 anak pokok percuma (*first come, first served*), Pendaftaran Keahlian Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya (terhad kepada 300 orang pertama sahaja) dan



Tempat letak kereta percuma di On Street dan kompleks letak kereta yang dimiliki oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Lebih menarik, sambutan ulangtahun ini juga diadakan serentak dengan Majlis Perhimpunan Bulanan yang dihoskan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan. Selain tayangan video ulang tahun sambutan dan ucapan dari mantan-mantan Datuk dan Timbalan Datuk Bandar, satu pelancaran Buku Etika MBPJ telah dilancarkan. Majlis turut memberi penghargaan kepada Dato' Ahmad Termizi Puteh, mantan Datuk Bandar pertama dan Datin Paduka Alinah Ahmad Datuk Bandar ketiga.

Perhimpunan itu juga diadakan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang Kempen Media Sosial "Saya Sayang PJ". Kempen yang diadakan selama 5 minggu di Instagram MBPJ tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peserta dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bandar raya Petaling Jaya.



Peragaan pakaian Penjawat Awam di kalangan kakitangan Majlis

## SELANGOR PENYUMBANG TERTINGGI JANGKITAN DENGGI

BANDAR SEKSYEN 52, 7 JUN – Berdasarkan data yang dikeluarkan Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan, Pusat Kesediaan Krisis dan Tindak Balas (CPRC) Kementerian Kesihatan, Selangor menyumbangkan kes denggi tertinggi iaitu sejumlah 27165 kes yang dilaporkan dari Januari sehingga Jun.

Jumlah itu agak tinggi jika dibandingkan dengan kes yang dicatatkan Johor dengan 6857 kes, diikuti Kuala Lumpur 3480 kes, Perak (1945), Pulau Pinang (1765), Terengganu (1519), Negeri Sembilan (1359), Sabah (1296) dan Pahang sebanyak 1231 kes.

Cuaca yang tidak menentu kabelangan ini menjadi faktor utama kepada peningkatan denggi. Musim hujan yang diselang seli dengan keadaan cuaca

panas meningkatkan lagi risiko penularan demam denggi akibat pengumpulan air pada bekas yang sesuai untuk pembiakan nyamuk aedes.

Orang ramai dinasihatkan agar memastikan kediaman serta kawasan persekitaran bebas daripada tempat pembiakan nyamuk aedes dengan meluangkan hanya 10 minit setiap minggu bagi aktiviti *search and destroy*.

Bahan pembunuhan jentik-jentik hendaklah digunakan terutama bagi bekas yang bertakung. Bagi mereka yang mempunyai gejala dan tanda demam denggi adalah dinasihatkan mendapat rawatan segera di klinik atau hospital yang berhampiran bagi mencegah komplikasi akibat penyakit berkenaan.


### KAWASAN WABAK DENGGI

**WACUJ MENANTI ANDA**

Jagalah Kebersihan Kawasan Perumahan Anda  
**Kebersihan Tanggungjawab Semua**  
 Musnahkan Tempat-tempat Pembiakan  
**Nyamuk Aedes**

UNIT KAWALAN VEKTOR, JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN, MBPJ  
 TEL : 03 - 7955 2381 / 03 - 7956 2939

**BERSAMAHLAH DENGAN MBPJ UNTUK MENGHAPUSKAN NYAMUK AEDES**



Datuk Bandar diberi penerangan oleh pegawai sisa pepejal terhadap inisiatif penjenamaan semula kitar semula

## PENJENAMAAN SEMULA KITAR SEMULA

JALAN YONG SHOOK LIN, 9 JUN – Majlis melaksanakan penjenamaan semula program kitar semula bagi menggalakkan masyarakat mengamalkan konsep pengasingan sisa pepejal iaitu kurangkan, guna semula dan kitar semula (3R).

Menurut Datuk Bandar Petaling Jaya, program yang dilaksanakan ini sangat wajar dan berpatutan memandangkan penggunaan sampah semakin meningkat di Petaling Jaya. Selaku Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), menjadi tanggungjawab

Majlis bagi memastikan kempen ini berjalan lancar dan mencapai objektifnya.

Berdasarkan pemerhatian dan rekod yang dicatatkan, purata setiap isi rumah menghasilkan sekitar 1.1 kilogram sampah setiap hari dan jumlah ini akan meningkat sekiranya amalan 3R ini tidak diamalkan.

Tambahnya lagi, sebanyak 600 tan sampah telah dijana sepanjang tahun lalu dan kadar itu dijangka bertambah sehingga 100 hingga 200 tan setiap tahun.

# PERTUKARAN LALUAN PJ CITY BUS (PJ04)

**SEKSYEN 52, 29 JUN** - Sejak pelancaran Perkhidmatan Bas Percuma PJ City Bus bagi laluan PJ04 pada 18 Januari 2016 yang lalu dan berdasarkan 'Ridership' sehingga Mei 2016 purata penggunaan adalah sebanyak 1,110 orang sehari / 20,401 orang sebulan. Oleh yang demikian, Majlis telah menjalankan satu kajian semula dengan mengambilkira aspek lokaliti yang

meliputi kawasan perumahan berkepadatan tinggi serta menjadi tumpuan penduduk sekitar.

Majlis pada hari ini telah meluluskan cadangan laluan yang baru yang akan memulakan laluan percubaan (trial run) selama 3 bulan bermula dari 1 Ogos 2016 sehingga 31 Oktober 2016. Cadangan laluan baru ini adalah dengan memendekkan laluan di

sepanjang Jalan SS3/39 dan akan melalui laluan baru iaitu Jalan SS3/80, Jalan SS3/29, Jalan SS8/29 dan Jalan SS3/39.

Hebahan dan promosi kepada penduduk mengenai perubahan laluan ini akan diwar-warkan di dalam laman sesawang dan media sosial Majlis, banner di lokasi-lokasi yang strategik, pengedaran poster dan flyers.

Sehubungan dengan itu, sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Perancangan Pengangkutan, Jabatan Perancangan Pembangunan, Tingkat 2, Ibupejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya atau di talian 03-79563544 sambungan 353/357.



## PEMBERITAHUAN PERTUKARAN LALUAN PJ CITY BUS PJ04

LRT TAMAN BAHAGIA → KG. TUNKU → SS2

LALUAN BAHARU PERKHIDMATAN  
PJ CITY BUS PJ04

Berkuatkuasa Pada 1 OGOS 2016 (ISNIN)



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



pjcitycouncil



pjcitycouncil

### LALUAN BAHARU PERKHIDMATAN PJ CITY BUS PJ04

#### ○ STESEN LRT TAMAN BAHAGIA





**Desa Mentari, 7 MEI - KRT Blok 1 Desa Mentari** telah menganjurkan Sambutan Hari Bomba dan Hari Ibu dengan kerjasama Ahli Majlis Zon 24, Halimey Abu Bakar, Pejabat Ahli Parlimen Kelana Jaya dan Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Puchala. Pelbagai aktiviti berlangsung seperti demonstrasi memadamkan kebakaran dan pementasan mini teater.

**Desa Mentari, 8 MEI - Seramai 16 pelajar** diraikan dalam Majlis Penutup Khatam Al-Quran yang telah disempurnakan Ahli Majlis Zon 18, Ariffin Mahaiyudin.



**PJS 10, 15 MEI - Timbalan Datuk Bandar MBPJ, Tuan Johary Anuar** telah merasmikan Sukaneka Mega KRT RA PJS10 Taman Sri Subang di padang PJS 10/34 Taman Dato' Hormat. Sukaneka mega ini merupakan platform yang mampu mengeratkan hubungan penduduk Taman Sri Subang, Taman Subang Indah dan Taman Dato' Hormat di dalam Zon 24.



**Desa Mentari, 14 MEI - Persatuan Penduduk, KRT dan Walimatul Urus Blok 3 Desa Mentari** telah menganjurkan Program Belajar Memasak Nasi Beriani yang telah berlangsung di Perkarangan Pusat Komuniti Blok 3 Desa Mentari. Bengkel telah dirasmikan Ahli Majlis Zon 24, Halimey Abu Bakar.



**Taman Medan, 16 MEI - Bersempena dengan sambutan Hari Guru dan meraikan guru-guru yang berkhidmat di Zon 18, Ahli Majlis Zon 18** telah menyampaikan sumbangan berupa kek tanda penghargaan kepada golongan pendidik ini. Sumbangan ini juga sebagai tanda jalinan hubungan erat antara Ahli Majlis dan juga warga pendidik.



Sepanjang bulan Ramadan 1437 Hijrah, Ahli Majlis Zon 24, Halimey Abu Bakar telah melaksanakan program ziarah Ramadan ke surau-surau dalam Zon 24. Program bertujuan untuk mendekatkan diri dengan masyarakat di samping memberi bantuan dana ke kepada pihak surau. Antara surau yang terlibat ialah Surau Nurhidayah, Kg. Lindungan, Surau Al-Azhar, Blok 2, Desa Mentari, Surau Al-Ehsan, Taman Desaria Fasa 5B dan Surau Taman Desaria Fasa 5A





Ahli Majlis Zon 18, Ariffin Mahaiyudin meneruskan aktiviti kebajikan yang juga merupakan acara tahunan MPP Zon 18 dalam bulan Ramadan iaitu sumbangan buah tamar ke surau-surau, PASTI, sekolah-sekolah agama dan individu-individu di dalam kawasan perkhidmatan beliau.



Desa Mentari, 17 JUN - Ahli Majlis Zon 24, Halimey Abu Bakar dan MPP Zon 24 telah mengadakan Program Edaran Kurma, Akhbar Selangor Kini dan Akhbar MBPJ di Bazar Ramadhan Desa Mentari, PJS6/SE. Program ini bertujuan untuk beramah mesra dengan pengunjung bazar dan peniaga di samping mewujudkan semangat kerjasama di kalangan MPP dan persatuan penduduk.



Kelana Jaya, 18 JUN - Seramai 300 orang yang terdiri daripada golongan kurang berkemampuan telah diraikan dalam program Jom Shopping Raya Aidilfitri DUN Seri Setia yang diadakan di pasar raya Giant Kelana Jaya. Turut hadir Ahli Majlis Zon 24, Halimey Abu Bakar.



# ADUAN AWAM

TALIAN HOTLINE  
**03-79542020**



TALIAN AM  
**03-79563544**

03 - 7955 1804

[aduan@mbpj.gov.my](mailto:aduan@mbpj.gov.my)

[eps.mbpj.gov.my](http://eps.mbpj.gov.my)

**MBPJ Aduan**

**"MESRA, CEPAT & TEPAT"**  
"Kualiti Keutamaan Kami"

Dapatkan Informasi  
Kami di :

- [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya
- pjcitycouncil
- pjcitycouncil
- pjcitycouncil



## MAJLIS TAKLIMAT DAN CABUTAN UNDI KEJOHANAN BOLA SEPAK SUKAN PENGUATKUASAAN MALAYSIA (SUKPEM)

JALAN YONG SHOOK LIN, 19 MEI - Jabatan Penguatkuasaan mewakili MBPJ telah diberi penghormatan untuk menjadi hos bagi Majlis Taklimat dan Cabutan

Undi Kejohanan Bola Sepak Sukan Penguatkuasaan Malaysia (SUKPEM) yang dianjurkan oleh Persatuan Pegawai-pegawai Penguatkuasa Pihak Berkuasa

Tempatan (PESAMA) bersama-sama Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) dan Pejabat Setiausaha Negeri Kelantan selaku tuan rumah.

Sebanyak 9 daripada 16 wakil pasukan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Malaysia dijangka mengambil bahagian telah hadir pada hari tersebut.

## OPERASI PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI)

SEKSYEN 52, 12 MEI - Satu Operasi bersepadu bersama Jabatan Imigresen di beberapa buah rumah urut dan pusat hiburan telah diadakan sekitar Petaling Jaya baru-baru ini.

Hasil pemeriksaan yang telah dijalankan ke atas 34 orang warga asing tersebut, 13 orang daripadanya telah ditahan iaitu 12 orang terdiri dari warga Vietnam dan seorang warga Filipina kerana tidak memiliki permit yang sah serta memiliki permit yang telah tamat tempoh.



### OPERASI JALA DI TAMAN

JALAN YONG SHOOK LIN, 15 MEI - Jabatan Penguatkuasaan telah mengadakan operasi jala di Taman Bandaran Kelana Jaya dan sebanyak 7 sitaan telah diambil ke atas kesalahan tidak mempunyai permit memancing yang sah daripada Majlis.

## OPERASI BERSEPADU LALULINTAS

SEKSYEN 52, 17 Mei - Majlis telah menjalankan satu operasi bersepadu lalulintas bersama-sama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Operasi yang bertujuan menyelesaikan masalah

kenderaan berat dan kenderaan buruk di sekitar Petaling Jaya ini berjaya mengenakan 12 kompaun dari MBPJ, JPJ dan SPAD.

Selain daripada itu, Jabatan Penguatkuasaan juga telah menunda sebuah kenderaan dan membuat 1 sitaan di bawah kesalahan halangan.



15 BERITA PETALING JAYA

ULANG TAHUN KE-10 BANDAR RAYA PETALING JAYA  
2006 - 2016

# Wonders of PJ

20 Ogos 2016 MBPJ Photo Hunt

7.30 Pagi - 6.30 Petang

Menerokai keindahan Petaling Jaya. Bawa kamera anda dan sertai PJ Photo Hunt dengan cara yang menyeronokkan.

**HADIAH :**

Pertama  
**RM6,000.00**  
+ Hadiah Iringan

Kedua  
**RM5,000.00**  
+ Hadiah Iringan

Ketiga  
**RM4,000.00**  
+ Hadiah Iringan

5 x Merit  
**RM400**  
+ Hadiah Iringan

10 x Saguhati  
**RM300**  
+ Hadiah Iringan

**PENDAFTARAN RM60.00**  
SATU PASUKAN  
(Min Satu Pasukan  
2 Orang - 4 orang Satu Kereta)

**Penganjur :**

Dengan Kerjasama :

Pendaftaran & Pertanyaan:  
Email : [pjhunt@pep2u.my](mailto:pjhunt@pep2u.my)  
FB : Advance Images Travelution Majalah Fotografi

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)  
 Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
 [@pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil) [@pjcitycouncil](https://www.youtube.com/pjcitycouncil) [@pjcitycouncil](https://www.instagram.com/pjcitycouncil)

\* Segala keputusan terakhir kepada pihak senarai program

**URUSETIA PROGRAM**  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**  
03-7956 3544 samb 200/203

# Berita PETALING JAYA

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) [Majlis Bandaraya Petaling Jaya](#) [pjcitycouncil](#) [pjcitycouncil](#)



## MISI RENANGAN SI CILIK MBPJ MERENTASI PULAU PERHENTIAN BESAR

Oleh : Mohd Rizal Ayub, Jabatan Penguatkuasaan

KUALA BESUT, 29 MEI - Seramai 15 perenang cilik dari kalangan anak-anak kakitangan MBPJ menyahut cabaran merentasi Pulau Perhentian Besar ke Perhentian Kecil merentasi jarak renangan sejauh 1.5 km.

Misi renangan ini adalah usahasama Kelab Sukan dan Kebudayaan (KSDK) MBPJ dengan Kelana Jaya Swim Team yang diketuai oleh Norsam Abdul Munaff dan Mohd Rizal Ayub selaku pengelola program.



kakitangan yang lain.

Renangan kali ini turut disertai dua perenang dari Perak iaitu Muhd Irfan Haikal Rozali, 11 tahun dan Muhd Irman Hakim Rozali, 15 tahun.

Sebagai persiapan menghadapi misi ini perenang



telah membuat persiapan selama lebih dua bulan untuk menguatkan mental dan fizikal.

Objektif misi ini ialah untuk memberi pendedahan kepada perenang-perenang cilik ini kepada kepelbagaiannya aktiviti renang bukan hanya tertumpu di kolam renang dan pertandingan

sahaja malah aktiviti luar yang lebih mencabar.

Selain itu, ia juga dapat meningkatkan jati diri, keyakinan dan semangat setiaawan di kalangan perenang-perenang dalam menempuh pelbagai cabaran dan dugaan kehidupan sebenar.



3 September 2016 (Sabtu)  
8.00 Malam

Tempat Letak Kereta Dewan Sivik,  
Ibu Pejabat MBPJ,  
Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya

night RUN  
7KM

TERBUKA  
Warganegara / Bukan Warganegara  
Tarikh Tutup: 25 Ogos 2016  
RM 10.00  
Yuran Komitmen

SEMPENA  
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-59

AKTIVITI:

- Jualan "Car Booth Sale"
- Diet Fit - Jom Kurus "Zumba"
- Persembahan Motorbike
- Street Led Roller Blade

GP  
LARIAN  
SELANGOR  
PLUS (MBPJ)

Sila hubungi:  
Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan  
03-7956 0203 / 06  
(En. Abd Aziz Salleh / Effendi Bin Ab. Ghani)